

04/02/1999

Kadar tambang bas ekspres naik

Ebi Azly Abdullah; Mona Ahmad

KUALA LUMPUR, Rabu - Kadar tambang bas ekspres akan dinaikkan antara 20 hingga 30 peratus, meskipun peratus peningkatan bayaran tol Lebuhraya Utara-Selatan (NSE) bagi kenderaan berkenaan belum diumumkan.

Presiden Persatuan Pengusaha Bas Ekspres Melayu Semenanjung, Hashim Abdullah, memberi alasan pengusaha bas terpaksa menaikkan juga tambang kerana tidak mampu lagi menyerap sebarang kenaikan kadar tol berikutan kos operasi kini semakin meningkat.

"Kegawatan ekonomi menyebabkan harga sebuah bas yang diimport dari Jerman dan Jepun semakin meningkat, manakala faedah pinjaman turut menjejaskan kewangan kami.

"Selain itu, kos penyenggaraan alat ganti juga memberi kesan buruk dan amat sukar bagi pengusaha bas menyerap sebarang kenaikan kadar tol lebuhraya," katanya.

Minggu lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengumumkan kadar tol NSE bagi kenderaan persendirian dinaikkan sebanyak 0.74 sen kepada 11.24 sen sekilometer, berbanding 10.5 sen sekilometer sebelum ini.

Selain NSE, kenaikan kadar tol antara 10 hingga 20 sen turut dikenakan bagi beberapa lebuhraya sistem tol terbuka seperti Lebuhraya Persekutuan II, Lebuhraya Senai-Johor Bahru dan Lebuhraya Alor Star-Bukit Kayu Hitam.

Bagaimanapun, sehingga kini Plus masih belum menjelaskan kiraan kadar tol bagi kenderaan kategori tertentu seperti bas ekspres, yang sering kali membayar kadar tol lebih tinggi.

Namun, menurut Hashim, berdasarkan formula kiraan kadar kenaikan tol yang dilaksanakan Projek Lebuhraya Utara Selatan Berhad (Plus) sebelum ini, peningkatan bayaran tol bagi kategori bas dijangka memberi kesan serius kepada tambang bas ekspres.

"Sehubungan itu, kami menjangka kadar bayaran tambang bas ekspres meningkat di antara 20 hingga 30 peratus sebaik saja kenaikan tol berkuatkuasa selepas Tahun Baru Cina ini," katanya ketika dihubungi hari ini.

Hashim yang juga Pengurus Besar (Kumpulan Pengangkutan) Mara Holdings Bhd berkata, kenaikan tambang itu akan dilaksanakan oleh semua syarikat pengusaha bas ekspres di negara ini sebaik saja kadar tol NSE dinaikkan selepas Tahun Baru Cina.

Beliau merayu kerajaan supaya mengecualikan bas ekspres daripada membayar tol sebagai langkah meningkatkan penggunaan perkhidmatan awam di seluruh negara, selain membantu memajukan industri berkenaan.

Sementara itu, Timbalan Presiden Persatuan Ampunya Lori Pan-Malaysia 1987 (PMLOA), Er Sui See berkata hampir semua lori tidak akan menggunakan laluan bertol jika kadarnya dinaikkan, kecuali atas permintaan pengirim.

"Bagaimanapun kita akan menggunakan laluan bertol jika diminta oleh pengirim dengan kos yang ditanggung pengirim sendiri," katanya.

Er berkata, sejak enam bulan kebelakangan ini, kira-kira 50 peratus lori tidak menggunakan lebuhraya bertol kerana kadar tol lebih tinggi daripada harga minyak yang digunakan.

Menurutnya, walaupun menggunakan jalan pilihan yang agak jauh sedikit, ia tidak begitu memerlukan kos tinggi berbanding kadar tol yang dikenakan.

Beliau bagaimanapun enggan memberitahu peratusan kenaikan kos pengangkutan kerana menurutnya ia bergantung dengan kenaikan kadar tol oleh kerajaan.

"Kita pernah menghantar memorandum kepada kerajaan untuk melihat perkara

ini termasuk masalah dihadapi termasuk pelbagai kenaikan kos.

"Misalnya, kadar tol di laluan-laluan Kedua Malaysia-Singapura menyebabkan kebanyakan lori tidak lagi menggunakan laluan itu tetapi menggunakan Tambak Johor.

"Bagaimanapun jika ada permintaan menggunakan laluan itu kami terpaksa mengenakan kos tol laluan itu. Harga tol yang mahal tidak dapat membantu industri pengangkutan bahkan menghancurkannya," katanya.

Er berkata, sejak 1958, kadar sewa yang dibenarkan kerajaan kepada pengguna lori ialah 25 sen bagi berat muatan satu tan dengan jarak 1.6 kilometer. Bagaimanapun sehingga kini pihaknya hanya mengenakan 15 sen kepada pengguna bagi jarak dan kadar yang sama.

"Selain sewa yang tidak meningkat, kami juga terpaksa mengangkat kadar cukai jalan yang tinggi umpamanya treler dua gandar kami terpaksa membayar RM8,400 bagi tempoh setahun," katanya.

Sementara itu, Presiden Persatuan Pengusaha Teksi dan Kereta Sewa Wilayah Persekutuan dan Selangor (Perpekli), Aslah Abdullah berkata pihaknya tidak menghadapi masalah berikutan kadar tol bagi kenderaan kelas empat tidak dinaikkan.

"Kita berterima kasih kepada kerajaan kerana tidak menaikkan kadar tol bagi kenderaan kelas empat," katanya.

Beliau bagaimanapun menambah, jika kadar tol dikenakan ke atas kenderaan terbabit, bayaran tambang tambahan akan dikenakan ke atas penumpang.

Aslah berharap penumpang akan memahami jika tindakan seumpama itu diambil.

(END)